

# **“PELAKSANAAN PLC DI KOLEJ MATRIKULASI PULAU PINANG : SENARIO DAN CABARAN”**

oleh  
Natifah bt Abu Khairi  
Azlina bt Arshad

## **Abstrak**

Kolaborasi menjadi elemen penting kepada model Komuniti Pembelajaran Profesional atau “Professional Learning Community” (PLC). PLC dikenalpasti oleh para sarjana masakini sebagai elemen yang mampu mengubah tradisi pendidikan kepada meningkatkan kualiti pengajaran guru dan prestasi pencapaian pelajar. Senario pelaksanaan PLC di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang bermula melalui usaha ahli organisasi bekerja secara bersama bagi mencapai visi dan misi yang digariskan. Inisiatif diri dan kekangan masa dikenalpasti sebagai cabaran utama dalam pelaksanaannya. ....

Kata kunci : Kolaborasi, PLC, mencapai visi dan misi.

## **PENGENALAN**

Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) atau “Professional Learning Community” (PLC) dikenalpasti oleh para pengkaji sebagai elemen yang mampu mengubah tradisi pendidikan dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru dan prestasi pencapaian pelajar. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendefinisikan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) atau “Professional Learning

Community” (PLC) sebagai komuniti sekolah yang bersama-sama berusaha secara profesional melakukan penambahbaikan pembelajaran murid melalui lima ciri yang telah dibangunkan oleh Hord (2004) iaitu perkongsian dan sokongan kepimpinan, perkongsian nilai, misi dan visi, pembelajaran secara kolektif dan aplikasi, keadaan persekitaran yang menyokong dan perkongsian amalan individu. Secara amnya “Professional Learning Community” (PLC), merujuk kepada usaha para pendidik yang komited dan bekerja secara kolaboratif serta berterusan untuk membuat inkuiri atau kajian tindakan bagi mencapai prestasi yang lebih baik untuk murid-murid mereka (DuFour, Eaker, & Many, 2006).

Guru perlu belajar ilmu mengajar yang baru atau memberi tambah nilai kepada corak pengajaran lama bagi menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan dan berkualiti. Guru-guru perlu mencari ilmu mengajar secara konsisten, dikongsi bersama-sama serta diamalkan agar murid memperoleh manfaat (Barth, 2006). Walau bagaimanapun, menurut Stoll et al. (2006) tidak ada definisi yang universal untuk menggambarkan PLC. Stoll menganggap bahawa KPP diterjemahkan dalam pelbagai definisi mengikut konteks pelaksanaannya.

Menurut pengkaji tempatan Zuraidah Abdullah (2012), PLC digambarkan sebagai komuniti yang membentuk budaya belajar dalam kalangan warga sekolah. Hal ini bermaksud, semua orang dalam komuniti sekolah belajar, bukan semata-mata murid sahaja. Setiap individu dalam komuniti sekolah memainkan peranan masing-masing dan bertanggungjawab antara satu sama lain untuk menambah baik kekurangan yang ada dalam komuniti (Abdullah et.al, 2013).

PLC dipercayai dapat menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pendidikan. Hal ini kerana dalam aktiviti PLC para guru bekerjasama untuk memastikan murid belajar dan usaha penambahbaikan terus dilaksanakan. Berdasarkan kepada definisi yang diberikan oleh para pengkaji objektif atau fokus kertas pembentangan ini adalah untuk :

1. Mengetahui senario pelaksanaan PLC di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang.
2. Mengenalpasti cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan PLC di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

## **LATAR BELAKANG**

Kolej Matrikulasi Pulau Pinang (KMPP) merupakan antara 5 buah Kolej Matrikulasi terawal yang didirikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi menyediakan para pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam tempatan dan luar negara. Kolej ini mula beroperasi pada 1 Januari 2000 dan mampu menampung sehingga 3000 orang pelajar.

Dalam perancangan strategik 2008 hingga 2015 dan 2015 hingga 2020 Kolej Matrikulasi Pulau Pinang telah menggariskan lima komponen utama yang perlu dibangunkan iaitu: (a) pencapaian akademik yang cemerlang dalam setiap semester , (b) staf yang cemerlang, (c) pelajar yang mengamalkan gaya hidup sihat dan mempunyai kemahiran insaniah, (d) prasarana yang baik; dan (e) pematuhan pada undang-undang. Strategi diatur dengan mengambilkira beberapa pemboleh ubah yang difikirkan mempunyai pengaruh terhadap objektif yang hendak dicapai terutamanya

dalam pencapaian akademik melalui keputusan peperiksaan semester program matrikulasi.

Visi KMPP ialah menjadikan KMPP terbilang bertaraf dunia melalui PdP berintegrasi ICT dan Research and Development (RnD) menjelang tahun 2020. Manakala Misi KMPP adalah untuk melahirkan pelajar yang cemerlang akademik, sahsiah, gaya hidup sihat dan berkemahiran insaniah untuk ke IPT. Oleh itu Kolej Matrikulasi Pulau Pinang beriltizam memberi perkhidmatan berkualiti dalam pengurusan hal Ehwal Akademik Pelajar dan Pembangunan Staf bagi memastikan pelanggan mendapat manfaat terbaik melalui sistem pengurusan berkualiti yang cekap dan berkesan secara berterusan.

Bagi memastikan pencapaian akademik yang cemerlang dalam setiap semester, pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan sama ada di peringkat jabatan ataupun unit. Perancangan dan pelaksanaan program melibatkan kolaborasi dari pihak pengurusan atasan sehinggalah ke peringkat pengurusan bawahan dan ahli setiap unit di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang. Hal ini pastinya melibatkan perkongsian idea yang menjurus kepada aktiviti PLC. Bagi mengetahui bagaimana PLC dilaksanakan di KMPP berikut adalah scenario pelaksanaannya:

### **SENARIO PELAKSANAAN PLC**

Komuniti Pembelajaran Profesional atau PLC dikenalpasti oleh para pengkaji sebagai elemen yang mampu mengubah tradisi pendidikan dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru dan prestasi pencapaian pelajar. Oleh itu bagi mengetahui senario

pelaksanaan PLC di KMPP, berikut adalah elemen yang dikenalpasti berkaitan dengannya kerana setiap elemen yang dinyatakan di bawah membawa impak kepada visi dan misi KMPP.

### **Wacana Ilmu**

Dilaksanakan setiap minggu mengikut unit. Setiap unit mempunyai topik yang dibincangkan berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran. Setiap ahli unit mempunyai tugas untuk dibincangkan bersama bagi tujuan penambahbaikan PdP. Hasil perbincangan membolehkan penyeragaman dilakukan dalam melaksanakan penilaian berterusan terhadap pelajar.

Amalan terbaik hasil dari Wacana Ilmu ialah peningkatan kepelbagaian kaedah mengajar. Disamping itu isu-isu terkini berkaitan dengan subjek yang berkenaan dapat dikenalpasti dan diselesaikan secara bersama. Masalah yang timbul semasa diskusi boleh dijadikan asas untuk menjalankan penyelidikan.

### **E-Pembelajaran**

Portal e-pembelajaran yang dibangunkan oleh sekumpulan ahli organisasi menyediakan platform untuk penyediaan bahan secara atas talian. Bahan pengajaran dan pembelajaran seperti nota dan soalan latihan atau kuiz secara atas talian dimuatnaik untuk kegunaan pelajar. Kolaborasi dalam kalangan tenaga pengajar berlaku semasa penyediaan bahan. Selain itu, e-storage dibina untuk menyimpan maklumat dan bahan pengajaran bagi kemudahan pensyarah semasa pelaksanaan

pengajaran dan pembelajaran. Manakala e-RAHA dibangunkan untuk tujuan penyediaan rancangan mengajar semester dan rancangan aktiviti harian secara atas talian.

Amalan terbaik dari e-pembelajaran ialah memudahkan pelajar untuk mengakses bahan pembelajaran melalui portal. Penggunaan *e-storage* melancarkan pengajaran dalam kuliah kerana bahan pengajaran telah dimuat naik dalam storage. Penggunaan e-RAHA menjadikan pensyarah lebih efisien memandangkan semua informasi berkaitan dengan rancangan mengajar dan pelaksanaan pengajaran berada dalam talian.

### **Penyelidikan dan Pembangunan (RnD)**

Budaya Penyelidikan dan Pembangunan (RnD) telah diperkenalkan seawal penubuhan KMPP. Kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh oeh Bahagian Matrikulasi dan pihak KMPP untuk membolehkan pensyarah menjalankan penyelidikan. Pada tahun 2004 hasil penyelidikan telah dibentangkan dalam Seminar peringkat Bahagian Matrikulasi KPM. Dari tahun ke tahun aktiviti penyelidikan terus dijalankan dan menghasilkan kertas penyelidikan kajian asas dan kajian tindakan. Namun demikian kecenderungan para penyelidik adalah kepada kajian asas. Jadual 1 di bawah menunjukkan bilangan kertas penyelidikan tiga tahun kebelakangan.

**Jadual 1. Bilangan penyelidik dan bilangan kertas penyelidikan  
tahun 2014 -2016**

<b>Tahun</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>
Bilangan penyelidik terlibat	58	59	34
Bilangan keseluruhan kertas penyelidikan	26	32	20
Bilangan kertas kajian asas	24	30	19
Bilangan kertas kajian tindakan	2	2	1

### **Sistem Pengurusan Berkualiti MS ISO 9001**

Perlaksanaan Sistem Pengurusan Berkualiti MS ISO 9000 bermula seawal tahun 2002 untuk penyediaan manual kualiti, dokumen am dan dokumen utama. Perlaksanaan ke arah pensijilan memerlukan gabungan idea pihak pengurusan. Hasinya KMPP Berjaya mendapat pensijilan MS ISO 9001:2001 yang pertama daripada SIRIM pada September 2006 dan sehingga ke hari ini pensijilan ISO masih kekal dan aktiviti penambahbaikan terus berlaku.

Amalan terbaik dari perlaksanaan ISO telah mewujudkan usaha penambahbaikan yang berterusan contohnya, penggunaan e-RAHA yang sekarang dikenali sebagai e-portfolio adalah selaras dengan hasrat Bahagian Matrikulasi yang mahukan semua pensyarah menghasilkan dokumen berbentuk portfolio bagi menyimpan maklumat berkaitan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan penyeragaman.

### **Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)**

Kumpulan Inovatif dan Kreatif di KMPP telah ditubuhkan pada tahun 2009. Jawatankuasa Pemandu KIK juga bertindak untuk melaksanakan latihan dengan

kolaborasi bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Pada peringkat awal penubuhan, lapan kumpulan KIK telah yang terdiri daripada 60 orang pensyarah dan staf pentadbiran. Melalui bengkel latihan yang dijalankan dengan bimbingan MPC KMPP berjaya menghasilkan dua kumpulan KIK yang menyertai Konvensyen KIK Peringkat Zon Utara Anjuran MPC pada tahun 2010 dan dianugerahkan pingat emas dan perak. Seterusnya pada tahun 2011 salah satu kumpulan KIK telah terpilih untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat Kebangsaan anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia dan mendapat anugerah tiga bintang.

Inovasi yang dihasilkan oleh Kumpulan CK-JSI adalah berkaitan dengan aktiviti kecemerlangan pelajar iaitu Program Gegar Gred. Inovasi yang dihasilkan oleh kumpulan pentadbiran ialah pengurusan sistem fail. Seterusnya pada tahun 2013 kumpulan asrama yang juga menyertai Konvensyen Peringkat Kebangsaan anjuran KPM dengan anugerah dua bintang telah menghasilkan inovasi yang berkaitan dengan pembaikan pintu asrama yang dapat menjimatkan kos.

Pada tahun 2015 kumpulan Arora telah menghasilkan sistem tempahan bilik secara atas talian (e-booking system) menggantikan tempahan secara bertulis menggunakan buku tempahan. Inovasi ini memudahkan urusan penempahan bilik mesyuarat, bilik kuliah, bilik tutoran, bilik tayangan, bilik seminar, makmal bahasa dan makmal komputer untuk pelbagai tujuan termasuk aktiviti PnP.

## **Jadual 2. Bilangan penyelidik dan bilangan kertas penyelidikan**



### **tahun 2014 -2016**

<b>Tahun</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>
Bilangan kumpulan terlibat	6	7	8
Bilangan ahli kumpulan	48	54	64
Bilangan projek	6	7	8

### **Majlis Pendeta**

Pada tahun 2010 Majlis Pendeta yang dianggotai oleh pensyarah kanan ditubuhkan bagi membantu dalam merangka perancangan strategik kolej. Menjelang tahun 2013 bilangan pensyarah kanan gred 52 dan 54 telah bertambah dan fungsi majlis pendeta diperluaskan. Buat masa ini terdapat enam jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah majlis pendeta iaitu jawatankuasa Kecemerlangan Pelajar, Jawatankuasa PLC, Jawatankuasa Kecemerlangan pensyarah, Jawatankuasa motivasi, Jawatankuasa SME dan Jawatankuasa Penilaian. Setiap jawatankuasa berperanan merancang dan melaksanakan aktiviti bagi menjayakan Misi dan Visi KMPP.

Kolaborasi dalam kalangan pensyarah untuk menghasilkan inovasi atau amalan terbaik telah lama wujud namun pendekatan PLC melalui amalan yang telah digariskan oleh sarjana terdahulu iaitu seperti 'Learning Walk", "Lesson Study", Case Discussion", "Video Critique" dan "Peer Coaching," adalah suatu yang baru dilaksanakan secara berstruktur. Hal ini adalah selaras dengan hasrat Bahagian Matrikulasi untuk menjadikan PLC sebagai budaya kerja dalam kalangan warga pendidik.

Aktiviti yang dijalankan di KMPP adalah selaras dengan definisi PLC yang dinyatakan oleh DuFour, Eaker dan Many (2006) iaitu, “Professional Learning Community (PLC)” merujuk kepada usaha para pendidik yang komited dan bekerja secara kolaboratif serta berterusan untuk membuat inkuiri atau kajian tindakan bagi mencapai prestasi yang lebih baik untuk pelajar-pelajar mereka. Senario ini memberi gambaran bahawa KPP di KMPP merupakan satu penjenamaan semula ke atas aktiviti yang telah dijalankan sebelum ini. Wacana Ilmu yang dijadualkan secara mingguan oleh setiap Unit Akademik kini dikenali sebagai perjumpaan PLC.

### **Impak**

Pelaksanaan PLC di KMPP memberi impak yang positif kepada kecemerlangan pendidikan. Antara hasil dari pelaksanaan PLC ialah bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk modul pengajaran, soalan tutoran, kuiz, latihan dan soalan penilaian berterusan adalah hasil dari kolaborasi pensyarah melalui aktiviti PLC. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang khusus untuk pelajar Matrikulasi tiada dijual di pasaran, oleh itu para pensyarah berkolaborasi dalam menghasilkan bahan yang diperlukan. Pencapaian pelajar dalam peperiksaan semester program matrikulasi menjadi ukuran kepada kejayaan kolej ini. Ianya memberi impak yang besar terhadap aktiviti yang dilaksanakan.

Selain aktiviti pembangunan pensyarah, Program Kecemerlangan pelajar iaitu “Peer Assisted Learning” (PAL) yang diselaraskan oleh Majlis pendeta dilihat sebagai memberi kesan kepada peningkatan prestasi pelajar. Kaedah pelaksanaan program ini adalah hasil kolaborasi sekumpulan pensyarah bagi memastikan program ini berjalan

seperti yang dirancang. Hasilnya pencapaian pelajar dalam peperiksaan semester program matrikulasi dapat ditingkatkan dengan peratus lulus sentiasa melebihi 95 %. Objektif kualiti menetapkan sebanyak 15% pelajar mencapai purata nilai gred semester 4.0. dan objektif kualiti ini juga telah berjaya dicapai.

Aktiviti PLC atau KPP juga dapat meningkatkan tahap profesionalisme pensyarah. Melalui aktiviti yang dijalankan pensyarah dapat menghadiri dan menghasilkan sekurang-kurangnya satu kertas penyelidikan pendidikan atau menghasilkan inovasi melalui KIK. Oleh itu KPI yang ditetapkan oleh pihak kolej, setiap pensyarah dapat menghadiri atau menghasilkan sekurang-kurangnya satu hasil daripada RND/KIK/PLC dapat dicapai.

### **CABARAN PELAKSANAAN KPP**

Kejayaan sesebuah organisasi pendidikan untuk menjadi komuniti pembelajaran profesional bergantung kepada pembentukan persekitaran yang menggalakkan budaya kerjasama dan koperatif, saling memberi dokongan dan sokongan moral serta meningkatkan pembangunan potensi individu. Satu tinjauan telah dijalankan melalui temubual untuk mengenalpasti apakah cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan KPP di kolej ini. Setiap responden perlu menentukan *ranking* bagi cabaran yang telah dikenalpasti melalui temubual yang terdiri daripada inisiatif diri, kekangan masa, kekangan kewangan, kepercayaan diri, galakan pengurusan dan sikap. Daripada 31 orang responden 27 orang telah meletakkan inisiatif diri sebagai cabaran paling utama, diikuti oleh kekangan masa pada kedudukan kedua (23 orang) dan kekangan kewangan kedudukan ketiga (13 orang). Dapatan kajian ringkas ini

membuktikan bahawa para pensyarah KMPP perlu mengambil inisiatif sendiri, berupaya mengurus masa serta disokong oleh sumber kewangan bagi menjayakan sebuah KPP.

### **Inisiatif diri**

Menurut kamus dewan, Inisiatif diri merujuk kepada daya usaha seseorang dalam melaksanakan sesuatu perkara. Untuk membolehkan PLC atau KPP dilaksanakan, inisiatif diri seseorang adalah penting dan dikenalpasti sebagai cabaran paling utama. Para pensyarah atau guru sendiri harus mempunyai inisiatif untuk menguasai kemahiran dan pengetahuan yang terkini demi menjalankan tugas dan mengamalkan amalan PLC yang mementingkan kerjasama antara rakan sekerja. Dengan cara ini mereka akan memperoleh personal mastery atau kepakaran sendiri untuk dikongsi dengan rakan-rakan.

### **Kekangan Masa**

Cabaran kedua yang dihadapi oleh guru/pensyarah adalah kekangan masa di mana para pensyarah kolej memerlukan banyak masa untuk berhadapan dengan pelajar iaitu melaksanakan kuliah, tutoran dan juga amali. Selain itu Program peningkatan Prestasi pelajar giat dilaksanakan memerlukan sebahagian besar fokus responden adalah untuk meningkatkan prestasi pelajar melalui aktiviti konsultasi dan program kecemerlangan pelajar. Mereka mempunyai beban tugas utama untuk diberikan perhatian yang membantutkan usaha kearah pelaksanaan KPP/PLC. Terdapat juga sebahagian pensyarah yang menyatakan bahawa mereka memerlukan masa bagi mempelajari dan mengaplikasi amalan PLC di dalam bilik darjah walaupun telah diberi latihan dalaman. Selain itu, peruntukan masa bagi setiap minggu pengajaran hanya cukup untuk mereka menghabiskan silibus yang telah ditetapkan. Jadi, untuk mereka meneroka dan

mengaplikasikan kaedah PLC dalam proses PdP adalah sesuatu yang agak merumitkan bagi mereka.

### **Kekangan kewangan**

Responden juga melihat kekangan kewangan sebagai satu cabaran dalam pelaksanaan PLC di KMPP. Kekangan kewangan dianggap akan menghadkan aktiviti latihan yang sepatutnya perlu dijalankan. Latihan secara formal adalah diperlukan bagi membolehkan para pensyarah mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan aktiviti PLC.

### **Sikap Pensyarah Terhadap PLC**

Menurut responden, dalam pelaksanaan PLC, kualiti profesional dan nilai sosial yang baik itu penting. Terdapat juga responden yang menyuarakan pandangan mereka bahawa satu lagi cabaran dalam pelaksanaan PLC adalah kerana kurangnya kerjasama antara rakan sekerja. Mereka berpendapat, kerjasama yang kurang antara rakan sekerja akan menyukarkan pensyarah untuk mengapikasi kaedah PLC dalam PdP. Seseorang pensyarah perlu bekerjasama dengan rakan sejawat yang lain kerana kemajuan pelajaran dan pendidikan pelajar di sekolah bergantung kepada kerjasama dan muafakat di antara semua golongan guru di sekolah itu.

Menurut Mok (2008), guru seharusnya mempunyai sifat dan kualiti peribadi, profesional dan sosial yang baik dan murni. Hanya guru yang mempunyai tatasusila yang tinggi akan berjaya menjalankan tugas sebagai pendidik dengan sempurna, khasnya dalam

melaksanakan perancangan penyampaian pengajaran dengan berkesan. Beliau juga menyatakan bahawa seseorang guru perlu mempunyai kualiti profesional yang tinggi seperti ingin tahu, pengetahuan iktisas, suka membaca, kemahiran bertutur, daya ingatan dan daya usaha yang tinggi.

## **CADANGAN**

Dari perbincangan di atas, beberapa cadangan dikemukakan. Cadangan ini adalah bagi memastikan pelaksanaan PLC ini dapat berjalan dengan lebih lancar dan berkesan.

Perjalanan aktiviti PLC itu haruslah dipantau secara konsisten. Pelantikan jawatankuasa yang boleh membantu dalam strategi pemantauan adalah mustahak agak pihak pentadbir mendapat sokongan dan maklum balas daripada pihak yang berkepentingan. Maklum balas berhubung pelaksanaan PLC ini harus dikumpulkan dan dinilai bagi tujuan penambahbaikan.

Peranan pihak pentadbir adalah penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan PLC. Semua pihak memainkan peranan yang penting untuk memastikan pelaksanaan PLC ini dapat dijalankan dengan jayanya agar dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam sistem pendidikan terutamanya pelajar. Ini bertujuan agar dapat melahirkan pelajar yang berilmu, kreatif, kritikal, dan analitikal. Semua pihak haruslah berusaha mengatasi segala cabaran dalam melaksanakan agar inovasi dapat dihasilkan demi kepentingan sistem pendidikan di Malaysia.

Galakan daripada pihak pengurusan penting bagi membolehkan setiap individu terdorong dan berinisiatif untuk melaksanakan aktiviti PLC. Usaha kumpulan pendidik untuk melakukan inkuiri dan kajian tindakan harus diberi penghargaan yang sewajarnya.

PLC adalah satu amalan pembangunan profesionalisme guru yang berterusan dan menggalakkan guru bekerja secara kolaboratif dengan melibatkan sokongan rakan sekerja serta amalan reflektif dilihat berpotensi untuk mengubah amalan pengajaran guru dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran murid. Oleh itu setiap individu dalam komuniti pembelajaran memainkan peranan masing-masing dan bertanggungjawab antara satu sama lain untuk belajar bagi memastikan kesejahteraan semua warga pendidik.

Tiga idea utama yang diinspirasikan oleh DuFour (2008) telah menjadi idea untuk penambahbaikan.

#### 1. Idea pertama: Memastikan murid belajar

Konsep PLC mengandaikan murid bukan sahaja mempunyai hak untuk menghadiri sesi pengajaran guru, malah mereka turut berhak untuk belajar. Hal ini bermaksud pihak sekolah dilatih untuk melakukan perubahan dengan tumpuan daripada pengajaran kepada pembelajaran. Seterusnya, setelah murid diberikan hak untuk belajar, pihak sekolah seharusnya menjawab soalan berikut iaitu:

(i) Apakah yang kita hendak untuk pelajar belajar?

(ii) Bagaimanakah caranya untuk mengenal pasti pelajar yang telah mempelajari sesuatu pengetahuan?

(iii) Bagaimanakah kita menghadapi pelajar yang mempunyai pelbagai tahap kecerdasan?

Berdasarkan kepada persoalan di atas, tindakan segera diambil bagi mengatasi fenomena dengan mengenal pasti murid tersebut. Tumpuan diberikan kepada tindakan pencegahan dan memberikan arahan kepada pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan yang agak rendah untuk mereka meluangkan waktu tambahan dan menerima bimbingan sehingga mereka menguasai sesuatu pengetahuan.

2. Idea kedua: Budaya kolaborasi

Sesebuah organisasi yang mengamalkan PLC seharusnya menyedari kepentingan bekerja secara berpasukan. Justeru, pihak organisasi perlu mewujudkan budaya kolaborasi.

3. Idea ketiga: Tumpuan kepada pencapaian

Keberkesanan PLC adalah berdasarkan hasil pencapaian. Untuk mencapai hasrat tersebut, bekerja dalam satu pasukan merupakan satu kemestian. Justeru, pihak KMPP bukan sahaja mengalu-alukan pensyarah menyediakan data tetapi menggunakan data tersebut untuk ditukar menjadi maklumat berguna dan berkaitan dengan usaha meningkatkan pencapaian pelajar. Para pendidik tidak seharusnya meletakkan had



usaha untuk melaksanakan proses penambahbaikan dengan kekangan masa yang dimiliki.

### **Penutup/Kesimpulan**

Tujuan utama mewujudkan suatu amalan pembelajaran profesional di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang adalah untuk meningkatkan kualiti diri guru dalam aspek kecemerlangan pensyarah. Justeru keupayaan guru untuk mengaplikasikan pengetahuan dan mengimplementasikan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting. Hal ini adalah selaras dengan kenyataan oleh Harris (2011) yang menyatakan bahawa perkara paling utama dalam melakukan penambahbaikan yang berkekalan adalah meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru atau dengan perkataan lain membangunkan profesionalisme keguruan dalam diri guru-guru. Hal ini kerana kualiti guru juga terletak kepada diri individu guru itu sendiri.

Menurut Nolan (2009) sekolah yang beroperasi dengan amalan PLC menggalakkan pembelajaran dalam komuniti. Menurut Model PLC oleh Hord (1997) serta Hipp dan Huffman (2003), dimensi-dimensi bagi PLC adalah: a) Dimensi kepimpinan berkongsi dan menyokong menunjukkan kepimpinan diagihkan dalam kalangan warga sekolah berdasarkan nilai yang dimiliki dan sikap saling mempercayai. b) Dimensi kesepunyaan nilai, matlamat misi dan visi merujuk kepada guru dan pentadbir sekolah yang berkongsi visi dan berusaha secara kolektif untuk menambahbaik aktiviti sekolah. c) Dimensi pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasi menggambarkan budaya belajar secara berpasukan dalam sesebuah organisasi. d) Dimensi perkongsian amalan

personal memberi perhatian kepada pemerhatian, galakan dan perkongsian amalan-amalan baru e) Dimensi keadaan yang menyokong menggambarkan sesebuah sekolah yang memberi komitmen dengan menunjukkan sokongan dalam mengekalkan proses penambahbaikan sekolah berlaku secara berterusan.

Kesimpulannya, PLC merupakan budaya penambahbaikan bagi menghadapi cabaran dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Pelaksanaan PLC secara konsisten diharapkan dapat meningkatkan pencapaian pelajar menerusi aktiviti pembelajaran. Ini bersesuaian dengan tema “PLC pemangkin Kecemerlangan Pendidikan”.

## RUJUKAN

Abdullah, Mohd Yusof, et al. (2013). Penambahbaikan sekolah: Melalui komuniti pembelajaran profesionalisme (KPP). Utusan Borneo, B4.

DuFour, R., Eaker, R., & Many, T. (2006). Learning by doing: A handbook for professional learning communities that work. Bloomington, IN: Solution Tree.

DuFour R, DuFour R, Eaker R (2008) Revisiting professional learning communities at work: New insights for improving schools. Solution Tree Press.

Hord, S.M. (1997). Professional learning communities: Communities of continuous inquiry and improvement. Austin, TX: Southwest Educational Development Laboratory.

Hord, S. M. (2004). Professional learning communities: An overview. In Learning together leading together Changing schools through professional learning communities: Journal of Staff Development, 30, 40–43.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2011) Modul Komuniti Pembelajaran Profesional. Bahagian Pendidikan Guru.

Stoll L, Bolam R, McMahon A, Thomas S, Wallace M, Greenwood A, Hawkey K (2005) What is a professional learning community? A summary. Available from: <http://www.decs.sa.gov.au/docs/documents/1/ProfessionalLeaningComm-1.pdf>.

Stoll, L., Bolam, R., McMahon, A., Wallace, M., & Thomas, S. (2006). Professional Learning Communities: A review of the literature. Journal of Educational Change, 7(4), 221–258.

Zuraidah Abdullah, Rahimah Hj Ahmad, & Muhammad Faizal Ab Ghani. (2012). Komuniti Pembelajaran Profesional Dalam Kalangan Warga Sekolah. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA (hh.1–21).